

Peraduan  
membaca  
Al-Kor'an  
sa-negeri

## BRUNEI MEMERLUKAN RAAYAT YANG BERILMU PENGETAHUAN YANG PENTING

**TUTONG** — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh telah merasmikan pembukaan Pameran Lukisan dan Kerjatangan Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong Satu pada pagi hari Sabtu 11 November, 1967.

Pameran tersebut telah di-langsungkan di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera dan telah di-hadiri oleh ramai guru2 dari Sekolah2 Melayu di-Daerah Tutong Satu serta para jemputan khas.

Sa-belum merasmikan pembukaan pameran tersebut, Pengiran Othman antara-nya berkata bahawa murid2 sekolah yang pada hari ini mestilah faham bahawa dengan ada-nya ilmu pelajaran di-otak masing2, kehidupan mereka pada masa yang akan datang akan terjamin.

Bagitu juga, tegas beliau, dengan ada-nya ilmu2 yang di-pegang oleh murid2 sekolah itu akan memberi faedah kepada masyarakat dan kemajuan negara yang kita chintai ini.

"Maka oleh sebab itu-lah buat peringkat yang pertama sekarang kita telah pun membentuk para Jawatankuasa-nya untuk mengadakan pameran lukisan dan kerjatangan ini, kerana dari sini-lah kita akan dapat melihat kelebihan tiap2 sa-orang murid itu dalam jurusan2 pelajaran."

Pengiran Othman berseru kepada murid2 yang hadir di-pameran tersebut supaya jangan-lah hendak-nya mereka berdiam diri sahaja —bahkan hendak-lah mereka menunjukkan kepandaian mereka masing2, ia-itu kepandaian yang akan membolehkan mereka memasoki ka-pelajaran2 yang tinggi seperti ka-peringkat universiti.

Pengiran Othman selanjutnya berkata bahawa Negeri Brunei pada masa ini-ada-lah memerlukan tenaga daripada ra'ayat yang mempunyai ilmu pengetahuan, baik dalam ilmu kedokteran, kejuruteraan dan lain2-nya. Dan untuk memenuhi keperluan ini kata-nya adalah tergantung kepada murid2 sekolah yang ada sekarang ini dan yang akan datang.

"Dari itu, murid2 hendaklah belajar bersungguh2, te-



Gambar atas menunjukkan, Pengiran Siti Zubaidah binte Pengiran Anak Hashim isteri Pegawai Daerah Tutong ketika menyampaikan hadiah kemenangan bagi

peraduan lukisan dan kerjatangan sekolah2 Melayu Tutong Satu yang di-menangi oleh Sekolah Melayu Lamunin sa-bagai sekolah yang terbaik.

kun dan tabah menghadapi apa jua jenis pelajaran sehingga lulus ka-peringkat yang di-kehendaki. Demikian juga, ibu2 bapa serta guru2 sekolah hendak-lah bekerjasama antara satu dengan lain untuk membantu murid2 dalam mencapai maksud2 mereka itu," tegas beliau.

Pengiran Othman berharap kepada guru2 dan ibu2 bapa yang hadir di-majlis tersebut

supaya memberi galakkan dan didekan yang sempurna, kerana guru2 dan ibu2 bapa-lah yang akan membimbing murid2 ka-arrah kemajuan.

Hadiah2 kepada Sekolah Melayu dalam Bahagian Tutong Satu yang berjaya dalam peraduan pameran tersebut telah di-sampaikan oleh Pengiran Siti Zubaidah, isteri Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamad Salleh.

## PERADUAN PEMENTASAN TABLO SELUROH NEGERI

**BANDAR BRUNEI** — Satu peraduan Tablo sambutan Nuzul Al-Kor'an ka-1,400 akan di-adakan pada 27 hingga 29 November 1967 bagi peringkat seluruh negeri.

Peraduan itu ia-lah anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, terbuka kepada Badan2 Kebajikan, Persatuan2 Belia, Maktab2 dan Sekolah2

Menengah,

Satu skrip tablo berthemaikan Sejarah Islam yang bernama "Di-bawah Sinaran Suchi" telah di-sediakan untuk peraduan daerah.

Skrip Tablo untuk peraduan peringkat sa-negeri akan di-berikan sa-baik2 sahaja peraduan peringkat daerah telah selesai.

**BANDAR BRUNEI** — Peraduan membaca kitab suci Al-Kor'an peringkat seluruh negeri akan di-langsungkan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada malam esok dan lusa bersamaan dengan 16 dan 17 November, 1967.

Dua orang qari dan sa-orang qari'ah yang berjaya dalam peraduan peringkat negeri itu nanti akan mewakili Negeri Brunei ka-peraduan peringkat antara bangsa yang akan di-langsungkan di-Kuala Lumpur dalam bulan puasa ini.

Di-tengah2 Padang Besar itu telah di-dirikan sa-buah pentas khas yang merupakan sa-buah khubah yang di-beri perhiasan2 yang menarik dan berchorak aneka warna.

Di-atas pentas itu-lah nanti akan berlangsung-nya peraduan membaca ayat2 dari kitab suci Al-Kor'an bagi peringkat seluruh negeri.


Pada mula-nya peraduan peringkat negeri ini telah di-ranchangkan akan di-langsungkan di-MAHLIGAI yang di-bena di-lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin, tetapi di-sebabkan pembenaan Mahligai itu maseh belum sempurna lagi, maka peraduan tersebut di-adakan di-Padang Besar.

Walau pun demikian, menurut sumber2 rasmi dari Jabatan Hal-Ehwal Ugama, pembenaan Mahligai itu akan siap tidak berapa lama lagi dan besar kemungkinan peraduan membaca ayat2 suci Al-Kor'an dan berbagai2 peraduan lagi kerana sambutan Nuzul Al-Kor'an peringkat negeri akan di-langsungkan di-sana.

Dalam peraduan peringkat negeri itu Daerah Brunei dan Muara akan di-wakili oleh empat orang qari dan empat

(Lihat Muka 8)

# Pembinaan kolam2 mengusahakan ikan tawaran akan di-keluarkan



Dr. E. Birkenmeier.

**BANDAR BRUNEI.** — Pegawai Perikanan Negara, Dr. E. Birkenmeier mengumumkan bahawa tawaran2 tidak lama lagi akan di-keluarkan bagi pembinaan kolam2 mengusahakan ikan dekat Bandar Brunei.

Ini ada-lah berikutan peruntukkan 19 ekar tanah di-kawasan Sungai Jambu yang di-sediakan kerana projek tersebut oleh Jabatan Perikanan.

Sebagai permulaan 3 buah akan di-bena di-Sungai Jambu, ini merupakan tiga sa-besar setengah ekar dan lain-nya sa-besar dari sa-ratus kaki hingga sa-besar suku ekar.

Kata-nya, Jabatan Perikanan

pada mula-nya akan melekatkan perhatian kepada pengeluaran anak2 ikan untuk di-bahagi2kan kepada mereka yang mempunyai kolam di-negeri ini.

Jenis2 ikan yang terbokti berharga untuk di-usahakan di-Asia Tenggara, seperti tulpis, lampan jawa dan gurami akan di-gunakan.

Tempat mengusahakan ikan itu akan merupakan sebagai satu pusat pembahagian rumput gurmai yang akan di-bawa masuk dari Hong Kong.

Perchubaaan juga akan di-jalankan di-pusat tersebut ka-

atas lain2 jenis ikan yang sesuai untuk di-usahakan.

Dr. Birkenmeier juga merancang untuk menyasat kemungkinan mengusahakan udang galah.

Pusat pemeliharaan ikan yang baru itu juga akan di-gunakan sebagai latihan setempat bagi peladang2.

Ranchangan2 yang di-siapkan oleh Jabatan Perikanan memberikan kemudahan2 untuk menunjukkan chara membena kolam ikan, chara mengusahakan-nya, asas membawa masuk jumlah yang betul dan jenis ikan serta lain2 aspek mengenai urusan perikanan yang baik.

## Tambahan baru di-Temburong siap awal tahun depan

**TEMBURONG.** — Pekan Bangar di-Temburong, akan mempunyai sa-buah tambatan konkret baru, dalam tempoh beberapa minggu lagi.

Pegawai daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak berkata, tambatan jarak 84 kaki panjang, yang melelan belanja kira2 \$200,000 itu di-jadualkan siap pembenaan-nya awal tahun depan.

Sa-buah gudang akan di-bena dekat tambatan tersebut, bagi penempatan barang2 keperluan.

Tambatan itu, di-bena di-seloh bawah jambatan, yang menghubungkan pekan Bangar dengan Bangar Baru, yang di-jangka siap menjelang pertengahan tahun depan.

### BEKALAN AYER

Awang Johari berkata, pehak berkuasa di-daerah itu, telah membuat kemajuan yang stebel, dalam tugas-nya memberikan kemudahan kepada penduduk2 kawasan pendalaman, di-daerah itu.

Tangki2 bekalan ayer, telah di-dirikan di-Kampung Piasau Piasau, Senukoh, Labu Estate di-Batu Apoi dan Belingos.

Sementara itu, sungai2 di-daerah itu, telah pun di-salorkan dan di-perdalamkan, selain dari tempat2 mendarat, yang di-bena di-tempat2 yang tertentu.

Awang Johari berkata, dalam tahun ini, pejabat-nya telah membelanjakan \$55,000 kerana membena 45 buah jambatan, kerana menghubungkan rangkaian jalan2 kechil.

## PERMOHONAN TANAH DI-TEMBURONG DI-TUTOP

**BANGAR.** — Pegawai Daerah Temburong Awang Johari bin Abdul Razak berkata pendaftaran kerana permohonan untuk mendapatkan tanah telah di-tutup buat semantara waktu.

Sa-bagai pengurus majlis mashuarat daerah Temburong, Awang Johari telah menyatakan demikian pada hari Khamis lalu, ketika di-tanya bilakah masa-nya wang pendahuluan boleh di-berikan untuk mendapatkan tanah di-Temburong.

Kata-nya, dari sejak tahun lalu pehak kerajaan belum membenarkan penerimaan sebarang wang pendahuluan mengenai permohonan untuk mendapatkan tanah di-daerah itu.

Penutupan pendaftaran kerana itu ada-lah berikutan permohonan2 dari seluruh negeri yang telah lama dalam pendaftaran.

Permohonan2 tersebut telah di-pilih oleh Surohanjaya Tanah dan keputusan telah diambil ka-atas permohonan2 tahun 1955 di-daerah Temburong, Tutong, Belait dan daerah Brunei-Muara.

Sementara itu, Daerah Temburong telah mengadakan tamu pada hari Ahad yang lalu buat

julong2 kali bertempat dekat dengan Klab Temburong.

Tamu itu di-adakan kerana menyahut shor yang di-buat baru2 ini oleh penghulu2 dan ketua2 kampung di-daerah itu bahawa kemudahan2 hendaklah di-adakan untuk orang2 kampung menjual hasil mahsol mereka.

### TAMU

Penghulu2 dan ketua2 kampung mengeshorkan bahawa tamu bagi daerah Temburong hendaklah di-adakan di-Bangar selaras dengan pasar minggu atau tamu yang di-adakan di-Bandar Brunei.

Dalam tamu tersebut, orang2 kampung dari Kampung Pandaruan dan kampung2 lain yang berhampiran telah datang beramai2 untuk menjual hasil mahsol mereka.

Sambutan dari orang2 bandar ada-lah menggalakkan dan kebanyakan dari jualan2 itu telah habis di-jual sa-belum tengah hari.

## MASHUARAT DAERAH TUTONG

**TUTONG.** — Majlis Mashuarat Daerah Tutong telah bersidang di-bilik persidangan Pejabat daerah di-Pekang Tutong pada 7 November lepas bagi sidang bulanan-nya yang ka-32.

Sidang itu telah di-tunda sa-lepas pegawai Daerah, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh yang juga selaku pengurus majlis

itu mengesahkan minit2 sidang yang telah lalu.

Kerani majlis itu terdahulu dari itu telah mengumumkan bahawa tidak terdapat lain2 perkara dalam agenda.

## Sistem baru pembikinan parit dan longkang di-Bandar Brunei

**BANDAR BRUNEI.** — Lembaga Majlis Bandar Brunei tidak lama lagi akan meluas dan mendalamkan longkang2 dalam kawasan bandar untuk menghapuskan kejadian banjir dengan tidak semena2.

Sa-orang juruchap lembaga majlis bandaran berkata, Jabatan Kerja Raya sedang melaksanakan kerja2 mengukur dan satu ranchangan bagi satu ranchangan bagi satu sistem baru parit dan longkang akan di-buat sa-telah kerja2 mengukur itu selesai.

Juruchapak itu berkata, wang telah di-peruntukkan kerana tujuan tersebut dan kerja2 pembenaan-nya di-kemukakan untuk tawaran.

Kata-nya, apabila sistem parit dan longkang itu di-perbaiki, parit2 itu akan dapat menampung ayer yang datang dengan tiba2 akibat hujan lebat.

Kerja2 itu mengkehendaki juga dasar parit2 itu di-churamkan dengan betul supaya ayer akan dapat mengalir dengan baik-nya ka-tempat2 keluar.

Parit2 yang lebeh luas dan dalam itu akan dapat juga memudahkan kerja2 untuk menjaga-nya supaya sentiasa tidak akan tersumbat dengan sampah sarap dan kekotoran.

**GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU**

## BELAIT PILEH WAKIL-NYA KA-PERADUAN MEMBACHA AL-KORAN KA-PERINGKAT NEGERI

**KUALA BELAIT** — Daerah Belait ia-lah yang terakhir sekali mengadakan peraduan membacha kitab suci Al-Kor'an bagi memilih empat orang wakil-nya ka-peraduan peringkat negeri yang akan berlangsung esok dan lusa di-Padang Besar, Bandar Brunei.

Peraduan peringkat daerah Belait itu telah di-adakan pada malam 6 November, 1967 yang lalu di-pekarangan Jabatan Hal-Ehwal Ugama Belait.

Dalam peraduan itu sa-ramai sepuluh orang peserta yang mewakili kawasan2 di-daerah tersebut telah mengambil bahagian yang antara-nya termasuklah lima orang peserta perempuan.

### WAKIL2 KAWASAN

Kawasan Pekan Belait/Kuala Balai telah di-wakili oleh Awang Morni bin Sanai; Awang Raba'ie bin Awang Metali; Dk. Saemah binte Pengiran Damit; dan Dayang Halimah binte Sulaiman.

Kawasan Seria/Sungai Liang pula telah di-wakili oleh Awang Abu Bakar bin Haji. Md. Paun; Awang Salman bin Haji Abu Bakar; Dayangku Hajjah binte Pengiran Umar; dan Sharifah Maimunah binte Syed Mohammad.

Hanya dua orang wakil saja dari kawasan Labi/Rampayoh/Bukit Sawat ia-itu terdiri dari Haji Ali bin Ismail dan Dayang Hasmah binte Mohd. Yusof.

Kawasan Pekan Belait/Kuala Balai telah menguasai keputusan peraduan itu apabila tiga orang peserta-nya termasuk dua orang perempuan telah mendapat kejayaan yang cemerlang. Namun begitu kawasan Seria/Sungai Liang telah memenangi gelaran kejohanan dalam bahagian peserta lelaki-nya.

Keputusan peraduan ia-lah seperti berikut:

Johan bahagian lelaki: Awang Abu Bakar bin Haji Md. Paun dari kawasan Seria/Sungai Liang; Naib Johan dimenangi oleh Awang Murni bin Sanai peserta dari kawasan Pekan Belait/Kuala Balai.

Bahagian perempuan: Kedua2 peserta dari kawasan Pekan Belait/Kuala Balai telah memenangi gelaran johan dan naib johan ia-itu; Dayang Halimah binte Sulaiman (Johan), dan Dayangku Saemah binte Pengiran Damit (Naib Johan).

Ke-empat2 pemenang itu akan mewakili Daerah Belait ka-peraduan peringkat negeri di-Bandar Brunei pada esok dan lusa.



Awang Abu Bakar.



Dk. Saemah bte Pg. Damit



Awang Morni bin Sanai.

### Gangguan akan di-alami oleh pengguna2 talipon

**BANDAR BRUNEI** — Pengawal Penguasa Telikom Awang C.E.B. Parrot mengumumkan bahawa kerja memindah papan switch ka-tengkat baru bangunan Telikom di-Bandar Brunei telah di-mulakan.

Semasa kerja memindah itu di-jalankan beberapa gangguan akan di-alami oleh pengguna2 talipon.

Awang Parrot berkata, semasa kerja di-jalankan hanya dua dari tiga papan switch akan bertugas yang menyebabkan perkhidmatan mungkin tidak begitu baik.

Ibu sawat automatik di-Bandar Brunei sedang di-perluaskan hingga kepada 3,300 kawat berbanding dengan 800 yang ada sekarang.

Awang Parrot berkata semasa kerja memperluas itu di-jalankan operator2 bekerja dalam keadaan yang sangat sukar.

Beliau khuatir keadaan yang lebeh buruk lagi dalam perkhidmatan itu mungkin berlaku akibat dari hanya dua papan switch sahaja bertugas semasa kerja memindah itu di-jalankan.

Pengawal Penguasa Telikom berasa dukachita atas sa-barang kesukaran dan gangguan yang mungkin berlaku buat sementara ini tetapi memberi jaminan kepada orang ramai bahawa perubahan2 sedang di-buat untuk memberikan perkhidmatan yang lebeh baik di-masa depan.

### HARI BUNGA POPPY

**BANDAR BRUNEI** — Hari Bunga Poppy telah di-sambut pada hari Sabtu 11 November lepas dan pada hari itu pengu-tip2 derma telah melawat ka-Pejabat2 kerana menjual bunga2 poppy kepada orang ramai.

Orang ramai telah menyambut baik dan memberikan derma kepada penjualan bunga poppy tersebut bagi faedah bekas anggota2 angkatan bersenjata tempatan.



Para hadirin yang menyaksikan peraduan membacha Al-Kor'an Daerah Belait.

15 NOVEMBER, 1967.

## BRUNEI MEMERLUKAN TENAGA RAAyat YG. BERPELAJARAN

SERING kali di-tekanakan bahawa kemajuan sa-sabuaah negara itu banyak sekali yang bergantung kepada raayat-nya yang berilmu pengetahuan dalam berbagai2 jurusan yang penting dan amat di-perlukan bagi kesempurnaan penduduk seluruh-nya.

Chita2 kerajaan yang di-suarakan, terutama-nya oleh Pegawai2 Kanan-nya atas topik yang sama sudah terlalu luas di-bayangkan bagaimana hasrat sa-umpama itu sa-mesti-nya di-kuasai oleh raayat dan kita di-minta supaya menyedari akan hasrat yang begitu suci yang semata2 untuk kebaikan Brunei dan penduduk-nya.

Sering juga di-suarakan tentang bagaimana hasrat Kerajaan terhadap keturunan yang akan datang — mempunyai kebolehan dan kelayakan — yang tentu-nya sa-bagai jenarasi yang bakal menyambung tugas2 yang di-pegang oleh orang2 yang terdahulu dari mereka. "Tunas2 yang ada sekarang dan yang akan datang ada-lah bakal pemimpin di-hari muka".

Untuk sampai kepada hasrat itu satu titik pertolakan harus di-tempoh terlebih dahulu dan kita terpaksa mengembara dari satu ruang ka-satu ruang dan itu-lah yang di-katakan "kita harus membekalkan diri kita terlebih dahulu dengan ilmu2 pengetahuan yang penting dan amat diperlukan".

Bagi menguasai apa yang di-perlukan itu kita harus pula mempunyai saluran2 yang akan kita lalui dan hal ini Kerajaan sudah pun menyedari dan langkah telah di-ambil dengan mengujudkan gedong2 tempat mengali ilmu pengetahuan itu, di-samping memberi peluang menuntut lebih tinggi di-universiti2 seberang laut.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh telah menyuarakan bahawa negara kita Brunei ada-lah memerlukan tenaga raayat-nya yang berilmu pengetahuan terutama dalam jurusan2 yang penting untuk pembangunan negara seperti jurusan kedokteran dan kejuruteraan.

Suara2 sa-umpama ini telah juga di-lepaskan oleh beberapa orang Pegawai2 Kerajaan yang dengan sa-chara langsung meminta supaya kesedaran akan timbul atas asas kemajuan negara ini, malah ada yang menimbulkan chita2 yang amat agong bahawa jawatan2 penting hendak-lah terisi oleh raayat bumiputera tegas-nya tidak semata2 mengharapkan kepada orang lain.

# Peringati Nuzul Al-Kor'an sambutan meriah di-Tutong

TUTONG. — Daerah Tutong telah mengadakan pesta sambutan Nuzul Al-Kor'an yang ka-1,400 sa-lama tiga malam mulai pada 11 November, 1967 yang lalu. Pesta tersebut telah di-adakan di-padang Bukit Bandera dan telah di-rasmikan pembukaannya oleh Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Seri Laila Jasa Kamaluddin.

Lebih dari 100 buah sekolah, pertubuhan2 belia dan kumpulan2 kampung telah mengambil bahagian dalam pesta tersebut.

Hari ulang tahun Nuzul Al-Kor'an yang ka-1,400 jatuh pada 19 Disember, 1967.

Di-sekitar Pekan Tutong telah di-hiasi dengan pancharan lampu yang beraneka warna di-waktu malam dan di-padang Bukit Bandera telah di-dirikan sa-buah khubah bagi menempatkan peraduan2 menhadap Al-Kor'an, berzanji, hadhran dan lain2 lagi, sementara di-dua buah pentas yang lain telah ditempatkan peraduan2 membaca sajak, sharahan dan pertandingan pementasan tablo 'Di-bawah Sinaran Suci'.

Di-sepanjang pesta itu di-adakan, penduduk2 di-sekitar Daerah Tutong telah beramai2 membanjiri Padang Bukit Bandera untuk menyaksikan acara2 yang di-adakan dalam pesta tersebut.

Dalam peraduan pementasan tablo hanya tiga persatuan2 belia saja yang mengambil bahagian ia itu terdiri dari Persatuan Melayu Keriam, Persatuan Pekatan Gerakan Suka-rela Tutong dan Persatuan Melayu Sengkarai.

Pementasan dari Persatuan Melayu Keriam telah berjaya memperolehi banyak kemenangan dan akan mewakili Daerah Tutong dalam peraduan peringkat negeri yang akan berlangsung di-Bandar Brunei.

Kemenangan yang di-dapati oleh persatuan itu ia-lah dari segi arahan yang terbaik, dekorasi terbaik, pelakon terbaik lelaki dan perempuan dan kumpulan terbaik. Pengarah pementasan itu ia-lah Awang Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Md. Safar.

Yang kedua ia-lah Pekatan Sukarela, Tutong.



Gambar atas: Yang Amat Mulia, Pengiran Muda Dato Seri Laila Jasa Kamaluddin (di-tengah) sa-waktu merasmikan pembukaan sambutan Nuzul Al-Kor'an di-Tutong. Gambar yang kedua dari atas kelihatan Awang Junaidi ketika menerima hadiah kemenangan pementasan tablo (Johan) dari Pegawai Daerah Tutong, Pengiran, Othman bin Pengiran Anak Md. Salleh. Gambar sa-belah kiri atas ia-lah Dg. Normah binte Yahya, Johan sharahan bagi persatuan2 belia ketika menerima hadiah dari Pegawai Daerah. Gambar berikut-nya ia-lah pasokan hadhran yang berjaya menjadi johan.

# USAHA JABATAN HAL-EHWAL UGAMA PADA MELAHIRKAN PEMBACHA AL-KORAN YG. BAIK DAN PENSHARAH YG. BERBAKAT DI-KALANGAN ANAK2

**BANDAR BRUNEI.** — Peraduan tahunan membacha kitab suci Al-Kor'an dan sharahan bagi murid2 lelaki dan perempuan dari sekolah2 ugama Daerah Brunei dan Muara telah di-adakan di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada 12 November lepas.

Ini ada-lah merupakan usaha tahunan Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei dalam menggali tunas2 dalam membachaa kitab suci Al-Kor'an dan menimbulkan pensharah2 yang berbakat di-kalangan anak2 yang masih lagi menduduki bangku sekolah.

Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Sufri Bolkiah telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam kedua2 peraduan tersebut.

Sa-ramai 12 orang murid lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam peraduan membacha Al-Kor'an enam orang murid lelaki dan perempuan mengambil bahagian dalam peraduan sharahan.

## KEPUTUSAN

Dalam peraduan membacha Al-Kor'an bahagian murid2 lelaki, Awangku Isa bin Pengiran Omar dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mendapat tempat pertama; kedua, Awangku Yassin bin Pengiran Damit dari Sekolah Ugama Bunut; dan yang ketiga di-menangi oleh Awang Rosli bin Sabtu dari Sekolah Ugama Kiarong.

Pemenang bahagian murid2 perempuan pula, yang pertama ia-lah Dayang Safiah binte Awang Salleh dari Sekolah Ugama Bunut; yang kedua Dayang Faridah binte Zarkashi dari Sekolah Ugama Raja Isteri Fatimah; dan yang ketiga Dayang Thaniah binte Tengah dari Sekolah Ugama

Amar Pahlawan, Burong Pinggai Berakas.

Pemenang2 dalam peraduan sharahan ada-lah seperti berikut:

Bahagian murid2 lelaki: Yang pertama, Awang Ahmad bin Burut dari Sekolah Ugama Amar Pahlawan Burong Pinggai Berakas; kedua, Awang Mohsin bin Pudir dari Sekolah Ugama Bangkurong; ketiga, Awang Abdul Rahman bin Md. Noor dari Sekolah Ugama Lelaki Brunei.

Bahagian murid2 perempuan; Yang Pertama, Dayang Fatimah binte Burut dari sekolah Ugama Amar Pahlawan; yang kedua, Dayang Noriah binte Muhammad, RIF; dan ketiga, Dayangku Masurahi binte Pengiran Ali dari Sekolah Ugama Kilanas.



Y.T.M. Pengiran Muda Sufri Bolkiah sedang menyampaikan hadiah kepada Johan Sharahan bahagian murid lelaki yang di-menangi oleh Awang Ahmad bin Burut.




Dg. Safiah binte Md. Salleh (Johan Kor'an).



Sa-belah kiri, Awang Moshin bin Pudir (Naib Johan sharahan) dan sa-belah kanan Dayang Fatimah binte Burut (Johan sharahan perempuan).



Di-depan ia-lah peserta2 yang mengambil bahagian, sementara di-belakang mereka kelihatan sa-bahagian dari penuntun.



Kelima dari kiri ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Seri Laila Jasa Kamaluddin, Y.T.M. Pengiran Muda Sufri Bolkiah dan Tuan Haji Abdul Kadir, Ketua Nadzir2 Sekolah2 Ugama.

# Pembangunan luar bandar Temburong 12 batu jalan raya telah siap

TEMBURONG — Jalan sa-jauh 12 batu yang di-ranchangkan dari Ujong Jalan, dekat Pekan Bangar, Temburong ka-Temada di-kawasan pendaiaman-nya telah siap hingga ka-Belais.

Pembinaan jalan tersebut, ada-lah sumbangan anggota2 askar Gurkha kepada projek pembangunan luar bandar Daerah Temburong.

Satu squadron jurutera dari Gurkha Battalion yang di-tempatkan di-Brunei, telah berusaha membina jalan tersebut sa-lama beberapa bulan, dan apabila selesai ia-nya akan menghubungkan Bangar dengan Temada, melalui Belais, Rataie, Bokok dan Bakarut.

Sa-orang juruchapak Pejabat Daerah Temburong berkata, bahagian jalan yang telah selesai pembinaannya hingga ka-Belais itu, boleh di-gunakan oleh keenderaan2 ringan ketika musim panas.

Sistem jalan besar Temburong ada-lah meliputi ranchangan pembinaan jalan sa-jauh 45 batu, yang di-chadangkan.

Penjurusan ka-atas jalan2 sudah pun selesai, dan tawaran2 tidak lama lagi akan di-jemput dari kontraktor2 yang di-pilih, untuk memulakan kerja2 pembinaan.

Jalan2 raya itu akan mejalar dari pekan Bangar membawa ka-Sungai Pandaruan se-

belah Barat, dan sebelah Timor menyeberangi sungai Batu Apoi ka-kawasan sempadan Sarawak melalui Labu.

Dua jalan ka-sebelah Utara, ia-itu dari Bangar melalui Belaban, Amo menuju ka-Batang Durj di-sepanjang tebing sebelah Barat Sungai Temburong, dan satu-nya lagi jalan melalui sebelah timur tebing Sungai Pandaruan, dari Bokok melalui Lepong ka-Temada.

## TEMU DUGA UNTOK JADI ANGGOTA2 AMDB

BANDAR BRUNEI — Rombongan pengambilan orang2 baru Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei hari Khamis lepas telah menemu duga calon2 yang akan memasoki sebagai rekrut dalam bulan Januari depan bertempat di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei.

Askar Melayu Di-Raja sedang memerlukan 70 orang rekrut, unok menambahkan kekuatan-nya yang ada sekarang.

Rombongan pengambilan orang2 baru itu, telah berada di-Tutong pada 13 November, ia-nya akan melawat Bangar, bertempat di-khemah pasokan Askar Melayu Di-Raja.

Rombongan itu akan berada di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei, sekali lagi pada 30 November.

Bakal rekrut baru itu, mesti-lah maseh bujang, berumur antara 18 hingga 25 tahun, dengan ukoran badan tidak kurang lima kaki tinggi, dan mesti-lah raayat Brunei.

## Perarakan tanglong sambut Nuzul Al-Kor'an

BANDAR BRUNEI — Satu perarakan tanglong di-Bandar Brunei bulan depan akan merupakan merchu achara perayaan, kerana menyambut ulang tahun hari Nuzul Al-Koran ke-1,400.

Dalam masa sambutan itu, rumah2 dan bangunan kepunyaan orang2 Islam akan berchuchol, sama ada dengan lampu2 minyak tanah atau listrik.

Sa-orang juruchapak Jabatan Agama berkata, perarakan tanglong, ada-lah terbuka kepada sekolah2 rendah, menengah, persatuan2, klab dan kampong2.

Mereka yang ingin menyertai dalam perarakan itu, hendak-lah mendaftarkan nama, kepada Setiausaha Perayaan, Awang Metussin bin Timbang Jabatan Hal Ehwal Agama, tidak lewat dari 30 November.

Hadiah2 akan di-berikan kepada kumpulan yang terbaik sekali dalam perarakan tersebut, dan kepada rumah2 yang berchuchol.

Chuchol akan mula dipasang pada 12 Ramadhan selama enam malam.

Hanya rumah2 di-Kampong Ayer, kawasan Bandar Brunei, Jalan Tutong hingga ka-batu 10, Jalan Gadong, Jalan Sungai Lampai, Jalan Berakas hingga ka-batu tujuh dan Jalan Muara hingga ka-batu tujuh, yang di-terima menyertai dalam perarakan berchuchol itu.

## PELADANG2 SAMBUT BAIK RANCHANGAN TERNAK AYAM

BANDAR BRUNEI — Peladang2 di-Brunei telah menyambut baik terhadap ranchangan menternak ayam kerajaan, yang bertujuan, bagi menambahkan pengeluaran hasil telur dan ayam.

### Jawatan kosong:

## SEBAGAI MERINYU PERIKANAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-jeemput daripada calon2 yang menjadi raayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Al-Sultan bagi memenohi jawatan2 sebagai Merinyu Perikanan di-Jabatan Perikanan, Brunei.

### KELAYAKAN2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 menangkap ikan dan mesti-lah lulus sekurang2-nya Form II Inggeris.

### GAJI:

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB 3 — \$200x10-270/EB/280x10-330 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai permohonan2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-peruhkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 27 November, 1967.

Pegawai Haiwan Awang C.V. Subramaniam memberitahu bahawa sambutan dari peladang2 itu amat-lah mengalakkan.

Kata-nya, dari semenjak pengumuman mengenai ranchangan itu di-buat dalam bulan Ogos, Jabatan Pertanian telah menerima hampir2 500 permohonan dari peladang2 diseluruh negeri.

Di-bawah ranchangan yang melibatkan pehak kerajaan membelanjakan \$100,000 itu, mereka yang menyertai-nya akan di-bekalkan dengan 50 ekor anak ayam baka baik dan champoran makanan-nya perchuma unok sa-lama empat bulan.

### CHONTOH2 PONDOK

Awang Subramaniam berkata, Jabatan Pertanian telah membina enam pondok menternak ayam di-Kilanas, Jerudong, Batu Tiga Jalan Kuala Belait dan Birau, unok tujuan2 memberikan pertunjuk chara2 menternak ayam.

Peladang2 ada-lah di-jeemput melawat ka-pusat2 tersebut, unok melihat chara2 ayam di-pelihara dan di-beri makan menurut sistem yang baik.

Pihak Kerajaan telah mengadakan ranchangan tersebut dengan tujuan unok menghasilkan telur dan ayam yang menchukupi, terutama-nya bagi golongan peladang dan keluarga-nya, dan ia-nya tidak-lah bertujuan unok menjadikan peladang sa-bagai peniaga.

## Ketua Pos dapati maseh ada lagi kechuaian pengirim2 bungkusan

BANDAR BRUNEI. — Ketua Pos Agong Haji Awang Ali Khan telah berkata, Pejabat Pos Brunei tidak akan membayar ganti rugi kerana kerosakan barang2 yang tidak di-bungkus dengan sempurna.

Bungkusan2 pos apa juga bentok kata-nya, mesti-lah di-bungkus dengan baik-nya bukan hanya unok mengelakkan dari kerosakan atau kehilangan benda2 di-dalam-nya, tetapi juga bagi mengelakkan kerosakan ka-atas lain2 bungkusan.

Beliau berkata, pejabat-nya maseh lagi ada menerima bungkusan yang tidak di-ikat dengan baik dan bungkusan2 saperti itu biasa-nya tidak akan di-terima.

Haji Awang Ali Khan berkata, bungkusan2 mesti-lah mempunyai ruang, unok melekatkan stem2 dan tanda serta kegunaan resmi pos. Bungkusan2 yang mengandongi barang2 rapuh, hendak-lah di-label atau di-tandakan dengan "Fragile".

Kata beliau, bahan2 yang digunakan kerana membungkus itu hendak-lah kuat, yang tahan dalam perjalanan dan si-pengirim ada-lah di-pelawa jua barang2 bungkusan yang akan di-kirimkan melalui pos.



AWANG G. W. DEAKIN

## PERINGKAT PEMBENAAN BAGI BANGUNAN2 SEKOLAH PERTUKANGAN DAN KEJURUTERAAN

**BANDAR BRUNEI** — Kerja2 ka-peringkat menanam panchang dalam projek membena dua buah sekolah pertukangan dan sa-buah sekolah kejuruteraan yang moden, di-mana belia2 Brunei boleh memperoleh kemahiran dalam jurusan kejuruteraan dan bangunan, sedang berjalan dengan lancar-nya.

Pegawai Pelajaran Teknikal Awang G. W. Deakin berkata, tapak persiapan bagi sekolah2 itu sudah pun selesai dan kerja2 membena akan di-mulakan, sebaik2 sahaja kerja2 menanam panchang itu selesai.

Sekolah tersebut yang didirikan di-bawah rancangan pelajaran teknikal, terletak di-batu lima Jalan Muara, di-Tutong dan Kuala Belait.

Sekolah di-Jalan Muara, akan memberikan latihan dalam jurusan pertukangan rumah, kemahiran dalam jurusan kejuruteraan, di-perolehi dari sekolah di-Tutong, sementara sekolah di-Kuala Belait memberikan latihan kejuruteraan.

### KEMAHIRAN

Awang Deakin berkata, apabila sekolah2 itu di-buka kelak, pemuda2 di-negeri ini boleh memperoleh kemahiran2 itu, tanpa pergi keluar negeri.

Sekolah pertukangan di-Bandar Brunei, akan memberikan latihan dalam jurusan pertukangan kayu, kerja tembok menembok, kerja2 menyimen batu bata dan konkrit, mengchat, menghias, memasang dan membaiki paip.

Sementara sekolah di-Kuala Belait akan memberikan latihan dalam jurusan meknik, memasang enjin, elektrik dan nampal besi, atau bengkel, membaiki dan memelihara kereta.

Awang Deakin berkata, mereka yang ingin mendapatkan latihan pertukangan selama tiga tahun, akan di-pilih dari penuntut2 Form 2 dan dari sekolah menengah Melayu.

### ASRAMA

Sekolah2 tersebut akan mempunyai asrama, bagi membolehkan penuntut2 dari Temburong, Muara dan lain2 kampung yang jauh, sama2 belajar.

Sekolah pertukangan itu juga akan di-lengkapkan dengan kemudahan2 kerana sokan dan olahraga, untuk memberikan peluang sa-penohnya kepada penuntut2 bagi membaiki diri mereka dalam sokan dan olahraga.

## Dua orang lagi pegawai AMDB jalani kursus payong terjun

**BANDAR BRUNEI** — Sa-orang pegawai dan sa-orang NCO kanan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah bertolak ka-Australia dengan kapal terbang pada hari Jumaat lepas untuk menjalani kursus payong terjun.

Mereka akan menjalani kursus tersebut di-Pusat Latihan Angkatan Udara Di-Raja Australia di-Williams Town selama empat minggu.

Mereka ia-lah Kaptain Mohamed Hussin bin Haji Mohamed dan Colour Sergeant Kifli bin Awang Besar.

Kursus tersebut bermula pada hari ini.

Ini ada-lah bagi kali ka-tiga kepada Kaptain Mohamad Hussein berkursus ka-sebarang laut dan bagi kali yang pertama kepada Colour Sergeant Kifli.

## Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri perhatikan sidang parlimen Malaysia

**BANDAR BRUNEI** — Speaker Majlis Mashuarat Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Utama Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar serta tiga orang anggota Majlis telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Khamis, 9 November, untuk memerhatikan sidang Parlimen Malaysia.

Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri itu ia-lah Yang Berhormat Awang Mohamed Zain bin Serudin, Yang Berhormat Awang Haji Halus bin Abdul Samad dan Yang Berhormat Awang Ariff bin Mujun.

Parlimen Malaysia telah bersidang pada 13 November ini.

Semasa berada di-Kuala Lumpur, Speaker Majlis Mashuarat Negeri itu dan ahli2 majlis mashuarat akan juga memerhatikan satu sidang Majlis Mashuarat Negeri Selangor.

Mereka akan kembali katanah ayer pada 21 November.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari Rabu 15 November, 1967 hingga ka-hari Selasa 21 November, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
15 Nov.		12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07
16 Nov.		12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08
17 Nov.		12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08
18 Nov.		12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08
19 Nov.		12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08
20 Nov.		12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08
21 Nov.		12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



PENERANGAN ADA-LAH PERLU UNTOK PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN!

## Pendaftaran tunaikan fardhu haji dengan kapal terbang di-buka semula

**BANDAR BRUNEI.** — Jabatan Hal Ehwal Ugama telah membuka semula pendaftaran bagi orang2 Islam yang hendak menunaikan fardhu haji dengan menaiki kapal terbang pada musim haji yang akan datang ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata jabatan ugama setakat ini telah menerima sa-banyak 92 permohonan untuk pergi ke-Mekah dengan kapal terbang.

Kata-nya, hngga masa ini maseh terdapat 33 kekosongan untuk pergi dengan kapal terbang.

Tarikh penutupan baru bagi pendaftaran pemohon2 kerana belayar dengan kapal terbang ia-lah pada penghujung bulan ini.

Juruchakap itu menerangkan, seramai 256 orang termasuk sa-orang guru ugama akan belayar dengan kapal laut melalui Jeddah.

Guru Ugama itu di-arahkan memberi tunjok ajar kepada jemaah haji semasa mereka berada di-dalam kapal mengenai chara2 mengerjakan ibadah haji dan hikmat2 yang terkandung di-sebalek-nya.

## Peraduan membacha Al-Kor'an

**DARI MUKA 1.**

orang qari'ah yang terdiri dari Awang Abdul Hamid bin Munaf, Awang Damit bin Haji Kawang, Awang Mukim bin Hassan, Awang Wahid bin Awang Besar, Dayang Maimunah binte Othman, Dayang Norsiah binte Ahmad, Dayang Saleha binte Haji Abdul Latif dan Dayang Siti Ara binte Haji Idris.

Daerah Belait akan di-wakili oleh Awang Abu Bakar bin Haji Md. Paun, Awang Murni bin Sanai, Dayang Halimah binte Sulaiman dan Dayangku Saemah binte Pengiran Damit.

Daerah Tutong akan di-wakili oleh Awang Alimas bin Md. Daud, Awang Md. Yusof bin Dolah, Dayang Noraishah binte Begawan Mudim Haji Adnan dan Dayang Noraini binte Begawan Mudim Haji Adnan.

Daerah Temburong pula akan di-wakili oleh Awang Alihan bin Ismail, Awang Nor-din bin Arshad, Dayang Taibah binte Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim dan Aisali binte Metassan.

# Kemajuan di-chapai dalam penyelidekan pendudok2

**BANDAR BRUNEI.** — Pehak Kerajaan hari ini telah mengumumkan bahawa beberapa kemajuan telah tercapai dalam persiapan2 untuk mengadakan satu penyelidekan mengenai chontoh sosial dan hal ehwal pendudok (demographic) yang akan di-laksanakan dalam lewat bulan Januari tahun hadapan.

Perhitungan untuk mengadakan penyelidekan ini telah di-buat dalam tahun lalu atas shor dari Penasihat Ekonomi Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei. Dato Doktor

J. S. Gould.

Tujuan utama mengadakan penyelidekan ini ia-lah untuk membekalkan Kerajaan dan jabatan2 yang berkenaan, dengan perangkaan2 sosial dan jumlah kasar pendudok yang akhir sekali serta boleh di-jadikan sandaran bagi menyediakan dasar2 dan rancangan2 yang kokoh untuk perkembangan ekonomi dan sosial negara.

Pengumuman Kerajaan itu berkata, ada-lah merupakan pengalaman kepada banyak negara2 yang sedang memban-

gun bahawa butir2 perangkaan yang terbaharu sekali serta lengkap dan boleh di-jadikan sandaran akan dapat memainkan peranan penting dalam pembentokan dasar2 yang aktif dan dinamis bagi pembangunan negara.

Penyelidekan chontoh yang akan di-jalankan oleh Kerajaan dalam bulan Januari tahun hadapan akan merupakan satu chontoh yang di-bentok sechara teliti dan ilmiah, sesuai dengan keadaan2 di-Brunei, tanpa mengulangi semula penyiasatan2 dan penyelidekan2 yang telah di-buat dahulu.

Chontoh2 akan di-ambil dari semua kampong2 di-kawasan luar bandar dan di-dalam kawasan bandar2. Ianya akan merupakan satu chontoh yang di-ambil sembarangan tetapi tersusun supaya tiap2 keluarga dalam tiap2 kampong akan mendapat peluang yang sama untuk di-pilih sebagai chontoh.

Pemilihan itu akan di-buat dalam dua peringkat ia-itu mengikut peratoran yang biasa di-lakukan.

## Pilihan raya kecil di-Temburong

**BANDAR BRUNEI.** — Satu pilihan raya kecil kerana memilih wakil bagi kawasan Temburong dalam Majlis Mashuarat Negeri akan di-adakan pada 8 Januari 1968.

Ini ia-lah kerana wakil kawasan tersebut Yang Berhormat Pengiran Majid bin Pengiran Mohammad Daud telah meninggal dunia pada minggu lepas. Beliau telah memenangi kawasan Temburong dalam pilihan raya tahun 1965.

Surohanjaya Pilihan Raya dalam suatu kenyataan di-bawah peratoran2 Pilihan Raya telah menetapkan 25 November sabagai hari menamakan chulun.


Kertas2 chulun akan di-terima di-Temburong Klub pada hari tersebut dari pukul 10 pagi sampai 12 tengah hari dan bantahan akan di-terima dari pukul 10 pagi hingga pukul 1.30 petang.

Majlis Mashuarat Negeri mempunyai tempoh sa-lama lima tahun dan pilihan raya biasa akan di-adakan dalam tahun 1970.

## HARGA BERAS NAIK

**BANDAR BRUNEI.** — Pengawal Setor2 Kerajaan mengumumkan bahawa mulai 14 November, 1967 penjualan beras Siam jenis "AAA" di-seluruh negeri ada-lah seperti berikut:

Di-Bandar Brunei \$3.00 sa-gantang; Tutong dan Muara \$3.05; dan di-Kuala Belait, Seria dan Temburong \$3.10 sa-gantang.



Gambar atas menunjukkan Awang Othman Chua Kwong Soon (sa-belah kiri dan Awang Zakaria bin Haji Sulaiman sa-jurus sa-belum berlepas ka-Bangkok.

## WAKIL BRUNEI KA-SIDANG DI-BANGKOK

**BANDAR BRUNEI.** — Pengawal Kastam dan Eksais, Awang Othman Chua Kwong Soon dan sa-orang pegawai dari Jabatan Setiausaha Kerajaan, Awang Zakaria bin Haji Sulaiman telah berlepas ka-Bangkok dengan kapal terbang pada hari Ahad yang lalu.

Mereka akan menghadiri persidangan Perundingan Antara Kerajaan mengenai Penyelarasan Rancangan dan Kerjasama Ekonomi Wilayah dan Daerah.

Persidangan itu akan di-mulakan pada 16 November dan akan berjalan sa-lama 10 hari.

Penasihat Ekonomi Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei, Dato Dr. J.S. Gould telah juga berlepas ka-Bangkok pada 13 November untuk menyetujui perwakilan Brunei itu.

## Peraduan bahath sekolah2 Br.1

**BANDAR BRUNEI.** — Lima buah sekolah Melayu dalam kawasan Brunei Satu akan mengambil bahagian dalam satu peraduan bahath yang akan berlangsung di-Sekolah Melayu Puser Ulak, Bandar Brunei pada 16 November ini.

Peraduan bahath itu akan di-mulakan pada jam 8.00 pagi.

Ia-nya di-adakan untuk memilih wakil2 ka-peraduan bahath seluruh negeri bagi murid2 sekolah rendah yang akan di-adakan di-Bandar Brunei lewat bulan ini.

Sekolah2 yang akan menyetujui peraduan itu ia-lah SMJA, SMLM, Pintu Malim, Sungai Kebun dan RIF.

Peraduan tersebut akan di-bahagikan kepada dua bahagian; murid2 lelaki dan perempuan.

Dua pemenang yang pertama, ia-itu satu bahagian lelaki dan satu bahagian perempuan akan mewakili Brunei Satu ka-peraduan peringkat negeri.